

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HIS 401 Fiqah Al-Munākahāt: Perkahwinan
dan Kekeluargaan Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LIMA [5] SOALAN DALAM TIGA
[3] MUKA SURAT.

ARAHAN

- Jawab TIGA [3] soalan.
 - Semua soalan membawa nilai markah yang sama.
 - Sila teliti semua soalan sebelum anda membuat pilihan.
 - Agihkan waktu menjawab dengan bijak.
 - Jawapan anda hendaklah berdasarkan pandangan Islam yang berasaskan dalil-dalil dan pandangan ulama fiqah di mana yang sesuai.
-
1. (a) Berdasarkan dalil-dalil yang nyata, kemukakan hujah-hujah untuk membuktikan bahawa falsafah perkahwinan dalam Islam sangat berbeza dari sistem-sistem lain.
 - (b) Dalam seluruh perbincangan mengenai perkahwinan dan kekeluargaan Islam, jelas menunjukkan bahawa hak-hak wanita dihormati dan dilindungi. Tunjukkan dengan bukti-bukti kukuh tentang kebenaran pernyataan ini.
 2. (a) Huraikan sejauhmanakah pekara-pekara di bawah memengaruhi ikatan perkahwinan yang suci.
 - i. Akad perkahwinan.
 - ii. Mahar atau mas kahwin.

- (b) Seorang lelaki A telah berkahwin dengan sidara J tanpa pengetahuan dan persetujuan ayah J. Hubungan J dengan ayahnya adalah baik. J tidak berani memohon persetujuan dari ayahnya kerana takut ayahnya menolak perkahwinan mereka.

Jelaskan hal-hal berikut:

- i. Bagaimanakah kedudukan perkahwinan A dan J?
- ii. Adakah wali J berhak menikahkan J dengan lelaki lain secara paksa?
- iii. Mengapakah Islam sangat menghormati perwalian dalam perkahwinan?

3. Selesaikan kes-kes berikut dengan sebaik-baiknya.

- (a) Y dan sidara N berkahwin secara wali hakim. Ayah N sangat kecewa dengan sikap N, kerana tidak menghorati haknya sebagai wali. Oleh sebab itu ayah N memohon mahkamah membubarkan perkahwinan Y dan N. Di mahkamah, N membela diri. Dia menjelaskan bahawa ayahnya adalah seorang yang selalu bermain judi, tidak sembahyang dan selalu memukul ibunya.

Bagaimanakah kedudukan perkahwinan Y dan N? Bagaimanakah pandangan Islam terhadap taraf kewalian ayah N?

- (b) Dalam suatu majlis akad perkahwinan, pihak pengantin lelaki dan perempuan, gagal mencapai kata sepakat tentang kadar mahar musammā.

Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memenuhi syarat-syarat mahar pada perkahwinan tersebut?

- (c) H memaksa M menceraikan isterinya S. M dan S baru tiga bulan berkahwin. H dalam suratnya kepada M, menyatakan bahawa ia sanggup melakukan apa sahaja ke atas diri M, sekiranya M tidak memenuhi kehendaknya. M bertindak menceraikan S.

Bagaimanakah pandangan hukum Islam terhadap masalah di atas?

- (d) B menceraikan isterinya C. C yang kecewa dengan tindakan B mengadu kepada penghulu. B yang terlalu marah, menghalau C keluar rumah dan enggan memberikan apa-apa nafkah kepada C.

Wajarkah B bertindak demikian? Apakah hak-hak C yang diiktiraf oleh Islam dan mesti ditunaikan oleh B?

4. (a) Hubungan perkelaminan merupakan hak bersama suami isteri. Kegagalan dalam hak ini boleh membawa akibat buruk terhadap perkahwinan tersebut. Soalannya:

Jelaskan pandangan Islam terhadap hubungan perkelaminan dan apakah dasar hubungan seksual yang mesti dihayati oleh suami isteri.

- (b) Dengan merujuk kepada mana-mana dua(2) prinsip kerukunan rumahtangga, tunjukkan sejauhmanakah prinsip-prinsip tersebut mempengaruhi kedamaian rumahtangga.

5. (a) Di manakah perbezaan pandangan di antara Madhhab Syafie dan Hanafi mengenai masalah Quru'? Pandangan manakah yang menjadi pilihan anda dan apakah alasan anda?

- (b) Anak-anak zaman kini mengalami tekanan psikologi akibat dari kegagalan ibu-bapa memenuhi hak-hak anak. Bincangkan.

-oooOOOooo-